



TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS PERASMIAN
FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN DIRAJA PUTRAJAYA 2022
(ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2022)
ANJUNG FLORIA PRESINT 4 PUTRAJAYA**

ISNIN 29 OGOS 2022

ANJUNG FLORIA PRESINT 4 PUTRAJAYA

11.00 PAGI

***Selawat*, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera**

1. Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun.

2. Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan hidayahNya, patik bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya serta Jawatankuasa Pelaksana Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2022 atau FLORIA Diraja Putrajaya 2022, dengan penuh hormat dan takzimnya merafakkan sembah memohon perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk patik mempersembah sepatah dua kata di majlis yang permai ini.

Ampun Tuanku,

3. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ke majlis yang penuh bermakna ini telah menambah seri dan memeriahkan lagi festival ini. FLORIA Diraja Putrajaya 2022 ini dengan tema FLORIA Hebat adalah penganjuran kali ke-12 sejak 2007, yang akan berlangsung selama tujuh hari mulai hari ini 29 Ogos sehingga 4 September 2022.

4. Di atas keprihatinan serta limpah kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, patik-patik sekalian mendapat dorongan yang tinggi untuk menjayakan festival ini. Semoga Allah SWT memberkati usaha murni ini dan

mengekalkan kedudukan FLORIA Diraja Putrajaya setaraf dengan lain-lain festival bunga dunia.

Ampun Tuanku,

5. Patik mohon perkenan untuk patik turut mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu jemputan di majlis ini.

Ampun Tuanku,

**YB Datuk Seri Jalaluddin Alias
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Ybhg Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg Dato' Fadlun bin Mak Ujud
Presiden Perbadanan Putrajaya merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pelaksana FLORIA Diraja Putrajaya 2022**

**Dif-dif kenamaan, Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato',
Datin-Datin, ketua-ketua jabatan, rakan-rakan media serta
tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.**

**6. Penganjuran festival ini menunjukkan komitmen berterusan
Perbadanan Putrajaya dalam usaha untuk merealisasikan
aspirasi kerajaan dan matlamat pembangunan Putrajaya
sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang moden
dan pintar serta memperkukuhkan imej Bandar Dalam Taman,
setelah dua tahun tidak dapat dijayakan akibat pandemik.**

**7. Festival ini juga telah menjadi acara tahunan yang
ditunggu-tunggu oleh peniaga, pembeli serta peminat bunga-**

bungaan dan tanaman hiasan. Setelah 11 kali penganjuran, FLORIA kini berperanan sebagai landasan atau platform bagi 'networking' di kalangan pengusaha, pengimpot serta mereka yang menceburi bidang pertanian dan hortikultur.

8. Pada masa ini festival bunga dan taman serta landskap yang berkualiti merupakan satu produk ekonomi yang menjadi penyumbang penting kepada sektor pelancongan negara. Ia boleh mencetuskan pelbagai peluang perniagaan dan perkhidmatan yang luas meliputi bidang-bidang semaian komersil; bekalan bahan tanaman bunga dan hiasan; perundingan dan penyenggaraan landskap; perkebunan; bekalan jentera dan peralatan perkebunan; sewaan pokok bunga, hiasan bunga, perundingan persekitaran, pemuliharaan sumber alam dan eko-pelancongan.

9. Penganjuran FLORIA Diraja Putrajaya setiap tahun dapat menyumbang kepada peningkatan potensi industri bunga-bungaan, landskap dan pelancongan sebagai satu daripada bidang ekonomi utama negara (*NKEA*) dan seterusnya memacu perkembangan industri ini sebagai satu alternatif pelaburan yang menguntungkan negara serta rakyatnya. FLORIA menjadi faktor penggalak pertumbuhan dan membantu dalam mempercepatkan transformasi industri bunga-bungaan, landskap dan agro-pelancongan negara.

Ampun Tuanku,

10. Pada masa ini FLORIA Diraja Putrajaya adalah satu-satunya festival bunga dan taman di Malaysia yang menyediakan pakej pameran bunga serta pelbagai aktiviti sinonim dengan semangat 'Keluarga Malaysia'. Ia dapat menghimpun Rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat, budaya, kepercayaan dan

kaum untuk turut serta dalam lebih 100 program dan aktiviti yang disediakan sepanjang tujuh hari festival ini berlangsung.

11. Festival ini bertujuan untuk memupuk dan menyuburkan rasa cinta dan kasih rakyat serta pelawat kepada keindahan pelbagai warna bunga dan tumbuhan yang banyak berkaitan dengan kebudayaan dan nilai-nilai masyarakat Malaysia. Ia sekali gus membudayakan aktiviti landskap dan perkebunan sebagai satu gaya hidup sihat dan sejahtera.

12. Bagi pihak Perbadanan Putrajaya, patik mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan, jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, pihak berkuasa tempatan, pihak NGO, universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah, Institut Landskap Arkitek Malaysia, persatuan-persatuan bunga, pengusaha semaian, pengusaha makanan, penggiat seni, kontraktor dan orang perseorangan yang menyumbangkan idea, tenaga serta kepakaran masing-masing dalam menjayakan FLORIA Diraja Putrajaya 2022.

13. Kepada pihak pemberita, pengamal-pengamal media, Perbadanan Putrajaya amat menghargai sokongan dan publisiti yang diberikan di dalam mempromosikan festival ini.

14. On behalf of the Government of Malaysia and the organizer of the Royal Flower and Garden Festival Putrajaya 2022, patik is pleased to welcome all international dignitaries, delegates and participants to Royal FLORIA Putrajaya 2022. The Malaysian Government, particularly Putrajaya Corporation and Ministry of Federal Territories, would like to commend your

presence and commitment to be part of this effort to foster understanding, networking and exchanging of ideas among professionals, expert and individuals involved in this international event.

15. Royal FLORIA Putrajaya is carefully designed to develop and progress at an accelerating rate to promote tropical flowers, parks and gardens aggressively and to put Malaysia, and specifically, Putrajaya on the world flower show map. Our commitment in this event is one approach towards this end.

16. We are grateful to all the local and overseas participants, and in particular to the international garden designers and florists from eight countries namely, China, New Zealand, Indonesia, Germany, Japan, Korea, Singapore and Taiwan for their presence and participation. We hope that all of you will continue to give the support in future. We wish all international participants in this event the best of luck and a pleasant stay in this beautiful Garden City of Putrajaya, in Malaysia.

Ampun Tuanku,

17. Demikianlah sahaja persembahan ucapan patik. Patik serta seluruh ahli Jawatankuasa Penganjur FLORIA Diraja Putrajaya 2022 sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah menyembahkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya, atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku bercemar duli berangkat dan seterusnya merasmikan FLORIA Diraja Putrajaya 2022.

Sekian, Menjunjung Kasih Tuanku. Ampun Tuanku.